



TENTANG GELANDANGAN

PRAKATA
Z R A

PENYELENGGARA
TALHAH WASABI



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



TENTANG GELANDANGAN

Syazwani Drani
Zainal Rashid Ahmad (ZRA)
Nur Hafiza Omar
Nadia Jamaludin
Akwa Mahzan
Mohamed Rozaidy

BOOK SURGEON

Pulau Pinang

(2024)



1014074



Buku Tentang Gelandangan ini diterbitkan oleh:

THE BOOK SURGEON ENTERPRISE
TAMAN SUNGAI DUA UTAMA,
13800, BUTTERWORTH,
PULAU PINANG

Cetakan Pertama Ogos 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak, tulisan, ilustrasi atau apa sahaja yang berkaitan dengan buku ini dalam mana-mana bentuk media tanpa izin dan rundingan dengan THE BOOK SURGEON ENTERPRISE.

©THE BOOK SURGEON ENTERPRISE

Reka Bentuk Kulit: Book Surgeon

Penyelenggara: Mohamed Rozaidy / Talhah Wasabi

Pembaca Pruf : Akwa Mahzan

Penulis: Syazwani Drani, Nur Hafiza Omar, Nadia Jamaludin, Mohamed Rozaidy, Zainal Rashid Ahmad, Akwa Mahzan



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-19446-2-2

305.5692

SENARAI KANDUNGAN

Prakata	vii
Dari Meja Penerbit	xi
Pengenalan	1
Coretan Jalanan – ZRA	5
Mengenal Gelandangan	17
Penyebab Gelandangan	35
Gelandangan dan Kesihatan	61
Bantuan Kepada Gelandangan	73
Kaedah Membendung Kehidupan Bergelandangan	89
Sisi Gelap Pembangunan : Kemiskinan dan Gelandangan.....	97
Antologi Puisi Untuk Gelandangan	105

PRAKATA

OLEH ZAINAL RASHID AHMAD (ZRA)

MENCARI NILAI AKAL BUDI DI JALANAN

Di jalanan, syak wasangka dan prejudis terhadap gelandangan bukan perkara baru. Cuma, itu persoalan klise yang jarang saya pedulikan. Jadi, apa yang menariknya kalau kita bercakap soal gelandangan dan kehidupan di jalanan?

“Kasih sayang.”

Pada tahun 2012, Ustaz Dr. Asyraf Suarin dari Maahad Tahfiz Hamlatul Quran, Kuala Selangor telah menghubungi saya. “Apa yang terbaik kalau saya berhajat nak bawa anak-anak usrah dari kalangan jururawat untuk berprogram di jalanan?”

Saya jawab: “Elok buat projek edar nasi bungkus dan minta anak-anak usrah Ustaz melayan warga jalanan.”

Melalui projek itulah, kira-kira 30 jururawat dibawa untuk meredah lorong-lorong gelap sekitar Chow Kit sampai ke Masjid India.

DISIPLIN TARBIAH

Setiap jururawat harus mengikuti disiplin jalanan ketika mengedarkan makanan. Lima peraturan disiplin jalanan ini harus diikuti sebagai panduan kepada jururawat yang terlibat dalam program ini:

1. Mereka harus melutut ketika membangunkan gelandangan yang tidur di kaki lima jalanan.
2. Mereka hanya boleh menyentuh tubuh yang lena di kaki lima

dengan menggunakan tangan, sambil memberikan salam ketika mengejutkan mereka.

3. Berbudhi bahasa dengan menyebut panggilan yang sesuai seperti tuan, puan, ibu atau ayah, adik atau kakak atau abang; atau sebarang perkataan yang menggambarkan sikap hormat.
4. Apabila gelandangan terjaga, makanan perlu disajikan sekiranya gelandangan masih belum makan malam.
5. Anak-anak usrah harus membuka botol minuman dan membasuhkan tangan gelandangan. Malah, wajib membuka bungkusan makanan dan melayani setiap gelandangan seperti keluarga sendiri.

“Kalau mereka boleh melayani gelandangan dengan akhlak yang tinggi, Inshaallah... apabila menjadi jururawat mereka akan menghormati setiap pesakit.”

Itu pandangan saya, ketika kami menyusun program ini sesuai dengan kemahuan Ustaz Dr Asyraf yang mahukan program di jalanan ini dapat mendidik akhlak anak-anak usrahnya. Kaedah yang sama juga dikenakan apabila pihak korporat mahu mengadakan program untuk menyantuni gelandangan di jalanan.

“Bos-bos berjawatan kanan kena mendahului tertib ini di jalanan untuk membina sikap merendah diri. Mereka harus melayani gelandangan sebagai latihan membaiki diri,” kata saya.

Setiap bos korporat digalakkan untuk membawa anak-anak, supaya akhlak seorang bapa ketika berada di jalanan dapat mendidik anak-anak mereka mengenai perilaku yang baik. Program korporat sebegini sememangnya mendapat sambutan yang menggalakkan. Cuma, kekangan waktu menjadikan saya tidak mampu melaksanakan semua permintaan. Program begini dapat melatih ketua atau pegawai kanan merendahkan rasa berkuasa dengan berkhidmat kepada gelandangan.

Maka, ketika seorang ketua atau pegawai kanan dalam badan korporat ini membawa anak-anaknya, mereka menunjukkan nilai tertib kemanusiaan yang memuliakan gelandangan dan membentuk keperibadian kepada anak-anak mereka. Selalunya, apabila pihak

korporat selesai program, mereka beranggapan: “Kaedah begini baik bagi latihan akhlak dan dapat menjadikan khidmat mengedarkan makanan di jalanan sebagai didikan kepada anak-anak.”

KISAH ORANG TUA

Di jalanan, apabila melayani gelandangan tua, bakal jururawat dan pegawai kanan akan duduk menemani mereka makan. Malah, melayani keperluan termasuk membuka bungkus makanan, membantu membasuh tangan gelandangan dan berbual dengan tertib seperti melayan ibu bapa atau keluarga sendiri.

Kalau gelandangan itu lebih muda, atau berlainan bangsa hendaklah dilayan seperti saudara kandung. Gelandangan selalunya akan sebak apabila dimuliakan; mengunyah makanan sambil menitiskan air mata kerana menikmati makan malam dengan layanan kasih sayang.

APA YANG DIPELAJARI?

Selalunya mereka yang mengikuti sesi mengedarkan makanan dengan disiplin dan tertib begini akan terdiam selepas program selesai. Jalanan menyedarkan mereka; mengenai kasih sayang. Samada jururawat atau CEO peserta akan terkedu.

Mereka menemui nilai kasih sayang dalam diri sendiri walaupun berada di jalanan yang kotor, gelap dan ada kalanya menakutkan. Di jalanan, kita tidak menilai: “Siapa itu gelandangan?”

Kita menilai diri kita sendiri: “Di mana letaknya kasih sayang sebagai manusia walaupun kita ada duit dan kuasa...”

*Yang Benar,
Zainal Rashid Ahmad.*



DARI MEJA PENERBIT

DARI MEJA PENERBIT.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera diucapkan kepada semua pembaca dan pengikut *Book Surgeon*. Alhamdulillah, Allah izinkan manuskrip ini berjaya diterbitkan setelah sekian lama projek ini tergendala.

Sejak bergelar mahasiswa, apabila saya terlibat dengan beberapa program menyantuni gelandangan, sehinggalah zaman bekerja, isu kemiskinan, gelandangan atau anak jalanan terasa sangat dekat di hati. Mungkin kerana saya sendiri hidup dan membesar di rumah pangsa atau *flat*, cuba meneruskan kehidupan sebagai seorang anak penjual kuih dan tukang sapu, saya merasakan isu gelandangan dan kemiskinan tidak boleh dipandang enteng oleh semua pihak.

Makanya apabila ada peluang, saya berjumpa sendiri dengan Dr Syazwani Drani, (pensyarah yang menulis tesis PhD berkenaan gelandangan) sekitar tahun 2016 atau 2017, untuk memaklumkan hasrat saya untuk menulis buku berkenaan gelandangan. Dr Wani (nama singkatan) juga ingin turut serta menyumbang tulisan beliau selepas mendengar hasrat saya.

Buku ini bukanlah sebuah buku ilmiah yang sarat dengan fakta dan statistik semata-mata. Buku ini ialah usaha sekumpulan marhaen yang ingin menyumbang kepada kecaknaan terhadap isu gelandangan. Sebahagian perkongsian dan tulisan dalam buku ini, memetik beberapa kajian yang ditulis oleh ahli akademik, dan sebahagian tulisan lain merangkumi luahan rasa melalui puisi, lontaran pandangan sebagai rakyat biasa dan tidak kurang persoalan dan kritikan kepada semua

pihak termasuk kerajaan, sikap gelandangan dan orang-orang yang ikhlas membantu gelandangan itu sendiri. Ya, tulisan ini merangkumi serba sedikit dari semua unsur yang saya sebutkan di atas.

Namun, setelah beberapa tahun, kami disibukkan dengan urusan masing-masing, membuatkan manuskrip ini tergendala. Menjelang 2024, saya bertekad untuk menamatkan sesuatu yang telah kami sama-sama mulakan supaya wujud satu dokumen berkenaan isu yang sudah lama tidak selesai di Malaysia ini.

Tidaklah bermaksud kami ingin mendabik dada bahawa semua penyelesaian tentang isu gelandangan telah kami rungaikan. Akan tetapi, buku ini dapat dijadikan usaha kecil kami, ke arah mencari penyelesaian yang tuntas. Sebarang kritikan dan cadangan penambahbaikan, kami terima dengan hati yang terbuka.

Ucapan terima kasih saya untuk semua penyumbang artikel, penyumbang puisi dan kepada semua penyokong dan pendukung usaha ini. Supaya kesedaran tentang golongan yang sering dilupakan dapat kita bina dan sebarkan kepada lebih ramai manusia di sekeliling kita.

Semoga satu hari nanti, masalah gelandangan dan kemiskinan dapat diselesaikan di Malaysia dan seluruh dunia, Inshaallah!

Wallahua'lam. Barakallahufeeikum.

*Mohamed Rozaidy Bin Mohd Ameen,
Pengarah Utama,
The Book Surgeon Enterprise.*

"Selain itu, di kota-kota tidak sedikit orang yang bergelandangan di sepanjang jalan, makan sesuap kala pagi dan sesuap kala petang. Kita tidak mempunyai statistik yang lengkap, benar dan sah tentang berapa jumlahnya."

Tan Malaka, Aksi Massa, halaman 57, terbitan Penerbit NARASI.





PENGENALAN

PENGENALAN: GELANDANGAN DI MALAYSIA – OLEH DR. SYAZWANI DRANI.

Di Malaysia, isu gelandangan bukan satu isu yang asing. Ia sering menjadi topik perbincangan dan perdebatan yang melibatkan pelbagai peringkat. Isu gelandangan tidak hanya tertumpu kepada akibat ketiadaan rumah dan menghuni di jalanan semata-mata. Ia melibatkan soal keselamatan, kesihatan dan psikologi golongan gelandangan. Malah ia turut memberi kesan kepada masyarakat sekeliling. Isu ini menjadi perhatian dan dalam lingkungan radar pemantauan serta pemerhatian daripada badan-badan kerajaan dan swasta.

Berdasarkan kepada rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia (2019), kebanyakan negeri mempunyai masalah gelandangan dan jumlah golongan ini kian meningkat yang diakibatkan oleh beberapa faktor. Di Malaysia, definisi gelandangan itu masih kurang jelas dan setiap agensi dan pihak berkuasa mempunyai ciri khas dan definisi tertentu terhadap gelandangan.

Kewujudan gelandangan di Malaysia sama seperti gelandangan yang berada di luar negara. Ia diakibatkan oleh masalah kewangan, isu kekeluargaan, bekas banduan, ketiadaan waris, pengangguran, masalah kesihatan mental dan sebagainya (*Institute of Global Homelessness*, 2019).

Di Malaysia, jumlah gelandangan di Kuala Lumpur telah meningkat 10 kali ganda sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Rekod menunjukkan seramai 1,500 hingga 2,000 orang kehilangan tempat tinggal (Li, 2018). Berdasarkan kepada situasi ini, pelbagai pihak telah tampil membantu meningkatkan semula kesejahteraan

hidup golongan gelandangan dengan pelbagai usaha dan sokongan untuk membantu golongan berkenaan.

Situasi ini telah mendorong lebih banyak organisasi di Malaysia mengambil berat tentang keperluan golongan gelandangan dengan penyediaan makanan, keperluan tempat tinggal sementara, membantu mencari pekerjaan dan sebagainya untuk mengembalikan kefungsi golongan gelandangan secara holistik. Dalam masa yang sama pihak agensi awam dan swasta secara aktif mencari penyelesaian yang ampuh untuk memastikan golongan gelandangan ini berkemampuan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik.

Masyarakat awam masih kurang faham bagaimana dan mengapa isu gelandangan di Malaysia wujud. Juga masih terdapat stigma dan diskriminasi terhadap orang gelandangan itu sendiri. Cara penampilan diri dalam keadaan tertentu tidak bermakna individu tersebut tidak mempunyai harga diri. Kalau diberikan pilihan, mereka juga tidak mahu berada dalam keadaan tersebut. Bermalam dan tidur di kaki lima tidak bermaksud individu itu tiada pekerjaan dan malas. Sokongan moral terhadap golongan ini perlu diteruskan supaya golongan ini tidak terus selesa menghuni jalanan yang boleh mendatangkan pelbagai masalah.

Tindakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan isu gelandangan perlu diselaraskan dan dilaksanakan oleh semua agensi yang berkait rapat dalam menangani isu gelandangan. Hal ini akan membuktikan kesungguhan semua pihak dalam mendepani isu gelandangan. Polisi kerajaan melalui Akta Orang-orang Papa 1977¹ perlu diperkemas dengan mengambil kira pelbagai aspek dan memandang golongan gelandangan sebagai individu yang mampu berubah ke arah kehidupan yang lebih baik.

1 Menurut Akta Orang-orang Papa 1977, akta ini diwujudkan untuk mengadakan peruntukan bagi menjaga dan memulihkan orang papa dan bagi mengawal kutu rayau. Berdasarkan tafsiran rasmi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, orang papa ditakrifkan sebagai seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan cara sehingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kekusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga menyebabkan kacau ganggu atau seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam sama ada mengemis atau tidak, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.

RUJUKAN:

Li (2008). Memahami dan prihatin terhadap gelandangan. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/t/297004>



CORETAN JALANAN

OLEH: ZRA

CORETAN JALANAN 1.

Kisah Tia Anak Miskin Bandar

Teringat tahun 2015 - kisah pertama kali bertemu Tia; gadis sunti berusia 12 tahun yang menghabiskan malam-malamnya berdiri di Dataran CIMB, Jalan Chow Kit. Tia menanti dan mengutip pek demi pek makanan sumbangan NGO.

“Tia, antara puluhan anak-anak Program Perumahan Rakyat (PPR) yang memikul tanggungjawab keluarga untuk mendapatkan makanan di Chow Kit.”

Hidupnya tidak mudah kerana terpaksa berbaris dan bergilir berulang kali mengumpulkan pek demi pek makanan. Mengapa? Keluarga Tia mempunyai seramai enam orang. Selain makan malam, Tia harus memastikan dia juga membawa pulang lebih makanan untuk sarapan pagi.

Tia, gadis kurus yang murung. Kehidupan menjadi pengemis dan terpaksa menghabiskan malam-malamnya di tepi jalan menyebabkan emosinya terganggu. Tanpa peluang bersekolah, tanpa sokongan moral dan dibiarkan menjadi peminta makanan, krisis ini memusnahkan emosi seorang kanak-kanak seperti Tia.

Miskin Bandar Isu Serius

30% kanak-kanak isi rumah PPR di Kuala Lumpur gagal mendapatkan keperluan makanan tiga kali sehari. Ertinya lebih 16 ribu keluarga PPR hidup dalam kelaparan kerana kekurangan makanan. Ini

merupakan data kajian Tabung Kewangan Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau bahasa Inggerisnya adalah *United Nations Children's Fund (Unicef)* yang didedahkan pada Februari 2018. Sedihnya, maklumat ini tidak pernah dipedulikan. Selain hampir sepertiga kanak-kanak PPR berdepan krisis kekurangan makanan, 22% yang lain mengalami masalah nutrisi.

Tia terpaksa berada di Chow Kit antara empat ke lima jam setiap malam. Setiap NGO akan mengehadakan dua pek makanan untuk seorang penerima. Keadaan ini sukar buat Tia. Tekanan rasa malu menjadikan wajahnya jelas nampak suram dan murung. Krisis emosi menjadikan Tia lebih suka menyendiri; bersembunyi di balik tiang bangunan. Tia hanya akan memunculkan diri apabila satu demi satu NGO muncul mengedarkan pek makanan.

Gadis 12 tahun ini pasti punya harga diri. Berulang kali berbaris mengambil makanan sumbangan pelbagai NGO bukan kehidupan diimpikan gadis seusia Tia. Tanpa pendidikan kerana keciciran sekolah, berpakaian selekeh kerana miskin dan terdedah pada gangguan seksual ketika berada di jalanan meletakkan Tia dalam krisis emosi yang menyedihkan.

Menjelang tahun 2015, barisan peminta makanan dipenuhi kanak-kanak seperti Tia. Wakil keluarga PPR mengharapkan anak-anak membawa pulang makanan dari sumbangan projek amal di jalanan. Tia gugup dan gagap kalau bercakap. Selalu ketakutan dan sentiasa berada di balik tiang.

Tia tetap berada di jalanan hingga 1 pagi walaupun pada pukul 9 malam, pek makanan sudah mencukupi.

“Tunggu ayah ambil. Ayah jadi *guard* dan habis kerja 12 malam,” katanya gugup.

Saya tulis kisah ini apabila Apam rakan baik yang selalu menemani saya di jalanan pada Ramadan 2017 mengiriskan foto-foto suntingan sebagai tanda kenangan. Cuma Tia tiada dalam foto ini. Pada hari saya menemuinya tiada rakaman foto dibuat. Cuma dia ialah kanak-kanak yang paling saya ingat; ketika kerap di jalanan melihat tempoh puncak

krisis miskin bandar dan impak kos sara hidup.

Isu kemiskinan yang meruap di jalanan-bukanlah krisis baru; ia muncul sejak lebih sedekad lalu.

CORETAN JALANAN 2.

Menginsafi Krisis Makanan Keluarga Miskin

Isu mengenai miskin bandar mulai kritikal sejak 2015. Fenomena akibat tekanan kos sara hidup mulai tidak terkawal di bandar-bandar besar. Naratif Kuala Lumpur adalah paling teruk. Terdapat peningkatan angka warga miskin bandar yang menghuni perumahan PPR mula keluar dan mendapatkan bantuan makanan di jalanan. Apabila anak-anak miskin bandar berbaris bersama dengan gelandangan, penagih dadah dan pelacur tua untuk mendapatkan sebungkus nasi, ia amat mengejutkan.

Tetapi itu realiti. Saya menjadi saksi mata melihat semua ini apabila menyertai projek mengedarkan bungkus makanan anjuran NGO Laskar4Life. Anak-anak miskin bandar muncul pada setiap Khamis malam dan fenomena ini meningkat dari masa ke masa pada tempoh 2013 hingga 2018. Malah, ia berterus sehingga sebelum Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan pada 18 Mac 2020.

Kawasan Dataran Amal di Jalan Chow Kit, dipenuhi dengan anak-anak, suri rumah miskin bandar dan gelandangan yang menjadi komuniti tetap mendapatkan bantuan. Mereka menantikan makanan yang diedarkan pelbagai NGO kemanusiaan pada setiap malam.

Isu Miskin Bandar Sudah Lama Kritikal

Isu miskin bandar di Kuala Lumpur sudah lama kritikal. Namun, tiada kaedah penyelesaian yang kukuh pernah dilaksanakan sebagai pelan jangka panjang menangani isu ini.

Pada 5 Mac 2019, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, membentangkan di Parlimen data terkini mengenai isu kemiskinan di negara ini. Menurut ICU, sehingga 28 Februari

2019, terdapat 190,534 keluarga miskin dalam negara ini. Berdasarkan taklimat Kaukus Parlimen pada 2018, angka 190,534 itu terbahagi kepada dua kelompok utama. Pecahannya adalah seramai 134,553 keluarga dikategorikan sebagai miskin dan 55,981 berstatus miskin tegar. Secara demografi, 107,114 (56%) keluarga miskin berada di bandar dan 83,420 (42%) di luar bandar.

**Isu 26 Ribu Miskin Tegar Ppr*

Terdapat 26 ribu isi rumah atau penyewa PPR yang diklasifikasikan sebagai miskin tegar. Pada masa ini, DBKL menyediakan 46 ribu unit rumah sewa di 17 Projek PPR di Lima Zon Wilayah Persekutuan. Kadar sewa pula hanya RM124 ringgit sebulan. Data 26 ribu (57%) miskin tegar PPR disukat berdasarkan jumlah penghuni yang gagal membayar sewa bagi tempoh tunggakan antara 10 bulan hingga lapan tahun.

Secara keseluruhan kesemua penyewa ini mempunyai hutang tertunggak berjumlah RM58 juta.

Majoriti penyewa gagal membayar kerana krisis kewangan terutama apabila kos sara hidup mendadak naik apabila ekonomi dunia mulai tidak stabil pada 2014.

**Melihat Semula Laporan Unicef*

Angka klasifikasi 57% isi rumah miskin tegar PPR ini turut diperkukuhkan lagi dengan pertindihan data yang diumumkan UNICEF pada Februari 2018. Menurut kajian itu, 30% kanak-kanak PPR gagal mendapatkan keperluan nutrisi yang mencukupi. Mudah-mudahan, lebih 15,300 keluarga PPR gagal menyediakan makanan tiga kali sehari kepada anak-anak.

Kaji selidik *UNICEF* turut mendapati 22% kanak-kanak bawah umur 5 tahun mengalami pertumbuhan terbantut. Manakala 1 daripada 10 orang mengalami masalah kurang berat badan. Kaji selidik *UNICEF* turut menyarankan tiga tindakan utama sebagai langkah melindungi krisis nutrisi kanak-kanak iaitu:

1. Menyediakan elaun penjagaan makanan kanak-kanak miskin.
2. Memastikan bayi mendapat susu ibu bagi tempoh minimum 6 bulan.
3. Mengkaji semula Angka Garis Kemiskinan (PLI) dengan menggunakan pelbagai petunjuk tambahan termasuk tahap pemakanan kanak-kanak.

**Nasib 60 Ribu Miskin Bandar Tanpa Rumah Ppr*

Kita ketiadaan data mengenai status kehidupan 60 ribu pemohon yang gagal mendapatkan rumah PPR. Semua pemohon ini berpendapatan di bawah RM3 ribu sebulan tetapi gagal mendapatkan rumah PPR kerana keterbatasan unit sedia ada. Persoalannya, dengan kadar minimum sewa rumah di Kuala Lumpur antara RM500 hingga RM600 sebulan, apakah impak ekonomi terhadap 60 ribu keluarga ini?

Sewa PPR pada masa ini hanya RM124 sebulan. Itu pun 57 % penyewa berhutang kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana tidak mampu menjelaskan tunggakan. Bagi 60 ribu pemohon yang gagal mendapatkan rumah PPR, pastinya beban sewa komersil lebih menekan terhadap kewangan bulanan pemohon yang gagal mendapatkan rumah PPR.

**Isu Gelandangan Global*

Menurut data *Homeless World Group Foundation (HWGF)*, 100 juta manusia menjadi gelandangan di seluruh dunia. Ini adalah data pada tahun 2005. Data 2015 pula mendedahkan, 1.6 bilion penduduk dunia tinggal di kediaman yang daif.

Di Amerika Syarikat (AS), terdapat 537,000 gelandangan. Lebih mengejutkan terdapat 18.5 juta penduduk AS ditakrifkan sebagai miskin tegar. Malah, kajian PBB turut menyenaraikan 40 juta daripada 327 juta penduduk AS berada di bawah garis kemiskinan. Menurut data HWGF, Australia memiliki 116,427 gelandangan pada 2016. Angka ini meningkat 14% berbanding data 2011. Ertinya, purata peningkatan hampir 3% setahun.

TENTANG GELANDANGAN

S I N O P S I S

Gelandangan. Satu istilah yang dekat di hati orang yang pernah hidup merempat di jalanan atau orang yang pernah menyantuni warga jalanan.

"Gelandangan" turut membawa pengertian metafora yang merangkumi kisah dan perjalanan hidup individu yang pernah dan sedang melaluinya. Kepincangan dalam pelbagai sistem kehidupan membuatkan golongan ini terus berada dalam "dunia" mereka.

Di manakah silapnya?

Kerana terpanggil untuk menyumbang dalam penulisan seputar gelandangan sekitar 2016-2017, beberapa orang belia cakna cuba mencoret sedikit sebanyak berkenaan isu ini.

Buku ini mengupas intipati kandungan "dunia" gelandangan dengan pelbagai perspektif dan pandangan berdasarkan kajian ilmiah dan bicara semasa yang retorik.

Apakah penyelesaiannya? Wujudkah penyelesaian kepada isu gelandangan?

Selamat membaca !

BOOK
surgeon

ISBN 978-967-19446-2-2



9 789671 194462

MOHANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA